

17/06/1998

Cyberview meterai empat perjanjian bernilai RM2b

PEMAJU bandar raya pintar Cyberjaya, Cyberview Sdn Bhd, (Cyberview) semalam menandatangani empat perjanjian disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi melaksanakan beberapa projek di zon pembangunan utamanya berjumlah hampir RM2 bilion.

Perjanjian di antara Cyberview dan Syarikat Telekom Malaysia Bhd (Telekom) bernilai RM1 bilion dimeterai bagi membolehkan Telekom menerima hak eksklusif untuk mereka bentuk, merancang, memasang dan mengendalikan infrastruktur telekomunikasi di zon pembangunan utama Cyberjaya seluas 2,800 hektar.

Mengikut perjanjian lima tahun ini, Telekom akan turut membina rangkaian laluan pelanggan serta dibenarkan memiliki tanah utiliti dalam kawasan pembangunan Cyberjaya dengan bayaran sekali RM10 bagi satu tapak.

Sehingga hari ini, Telekom mengenal pasti 10 tapak dengan lima adalah untuk ibu sawat, satu untuk ladang satelit manakala empat lagi akan menjadi tapak menara telekomunikasi.

Pada majlis menandatangani perjanjian itu di Cyberjaya semalam, Telekom diwakili ketua eksekutifnya, Datuk Mohamed Said Mohamed Ali dan Ketua Pegawai Operasi Telco, Datuk Dr Abdul Rahim Daud.

Cyberview diwakili pengerusinya, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan ketua pegawai eksekutif, Datuk Abdul Karim Abu Bakar.

Menurut Telekom dalam satu kenyataan, perjanjian itu memberi masa secukupnya untuk Telekom menyediakan produk dan perkhidmatan kepada syarikat berstatus MSC yang dijangka mula berpindah ke Cyberjaya paad akhir 1999.

Pada majlis sama, Telekom turut menandatangani perjanjian dengan Cyberview bagi pembelian tanah tapak kampus Universiti Multimedia dan tapak Kompleks Telekom.

Jumlah keseluruhan pembelian tanah itu ialah RM133.84 juta.

Cyberview turut menandatangani satu lagi perjanjian jual beli dengan PNB Property Management Sdn Bhd, anak syarikat Permodalan Nasional Bhd (PNB), bagi pembelian tanah seluas 8.6 hektar di Cyberjaya.

Menurut Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman, yang menandatangani perjanjian itu, kos pembelian tapak itu yang dirancang untuk pembinaan kompleks pejabat bernilai RM34 juta.

Hamad berkata, PNB belum membuat perancangan khusus mengenai konsep pembangunan di tanah berkenaan.

"Ia adalah pelaburan untuk masa depan kerana nilai hartanah di Cyberjaya pasti meningkat."

"Pembangunan yang mungkin dilaksanakan ialah dalam bentuk bangunan pejabat yang akan disewakan kepada syarikat berstatus MSC. Kami akan mengadakan perbincangan dengan mereka untuk mengetahui keperluan sebelum merancang konsep pembangunan," katanya.

(END)